

13 AUG 2003

MAHATHIR-IKAN KELI/I

EPISOD IKAN KELI DEDAH LIDAH BER CABANG AS DALAM PERDAGANGAN

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

MBABANE (Swaziland), 13 Ogos (Bernama) -- Percubaan Amerika Syarikat (AS) untuk menghalang ikan keli Vietnam daripada dieksport ke pasarannya dalam tahun-tahun kebelakangan ini berbanding usaha mempromosi ikan itu pada mula-mula dahulu, mendedahkan sikap lidah bercabang kuasa besar itu kerana ia jelas memperlihatkan niat yang sebenar untuk menutup pasaran di sebalik retorik meliberalisasi perdagangan di bawah globalisasi.

Ketika menyampaikan ucapan kepada peserta-peserta Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2003, Rabu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menceritakan bagaimana AS, yang berminat untuk memulihkan hubungan dengan musuhnya pada satu ketika dahulu itu, mengiktiraf ikan keli Delta Mekong sebagai peluang keemasan untuk eksport.

"Dalam tempoh beberapa tahun, setengah juta penduduk Vietnam menyara hidup melalui perdagangan ikan keli, dan Vietnam menguasai 20 peratus daripada pasaran isi ikan keli beku di AS," katanya, memetik siaran berita akhbar The International Herald Tribune.

Bagaimanapun, langkah menggalakkan eksport ikan keli Vietnam ke AS menyebabkan kejatuhan harga ikan itu di Amerika. Berikutan itu, "Rakyat Amerika yang diwakili oleh Penternak Ikan Keli Amerika, mengisytiharkan perang ke atas penternak ikan keli Vietnam."

Dalam apa yang pastinya merupakan perubahan mengejut dasar perdagangan yang jelas mendedahkan dasar perlindungan mereka, Washington memutuskan bahawa "Daripada 2,000 jenis ikan keli, hanya spesi asli Amerika yang layak dipanggil 'ikan keli'."

Akhbar The Tribune selanjutnya menyatakan, penduduk Vietnam hanya boleh memasarkan ikan keli mereka di Amerika di bawah istilah Vietnam "basa" atau "tra."

Dr Mahathir berkata kempen anti-ikan keli Vietnam berterusan dengan Wakil Demokrat Arkansas, Marion Berry, membayangkan bahawa ikan Vietnam tidak cukup baik bagi penggemar makanan Amerika kerana ikan itu dicemari "Agent Orange".

Tentera AS telah menyembur "Agent Orange" di seluruh negara Vietnam dalam percubaan mereka untuk mencari dan menghapuskan musuh semasa perang dahulu.

Seolah-olah itupun masih tidak cukup, kata Dr. Mahathir, Penternak Ikan Keli Amerika menyebarkan iklan yang memaparkan ikan "di sekitar sungai Dunia Ketiga memakan makanan entah siapa yang tahu."

Memanglah tidak disebut ikan keli Vietnam mengandungi "Agent Orange" apabila ia dieksport ke AS pada mula-mula dahulu kerana ketika itu berbuat demikian adalah satu kesalahan dari segi politik.

Katanya, kumpulan penternak itu kemudiannya menuduh penternak Vietnam melambatkan ikan keli di bawah kos pengeluaran dan harga jualan di Vietnam.

Tetapi, hentaman itu tidak terhenti di situ sahaja.

Selepas itu, Jabatan Perdagangan AS mengisytiharkan Vietnam sebagai ekonomi "bukan pasaran" yang bererti kos pengeluarannya boleh dipersoalkan, katanya.

"Jadi, penternak ikan keli Vietnam yang berjumlah hampir sejuta itu kehilangan perniagaan mereka, tidak boleh menceburi pertanian biasa, dan menjadi papa kedana," katanya.

Perdana Menteri juga menceritakan pengalaman pahit yang dialami minyak sawit Malaysia semasa memasuki pasaran AS.

Untuk melindungi produk minyak kacang soya dan biji bunga mataharinya,

Persatuan Kacang Soya Amerika (ASA) melancarkan kempen jahat yang memburuk-burukkan minyak sawit, dengan dakwaan ia mengandungi tahap kolesterol yang tinggi dan menyebabkan kematian kerana lemah jantung.

Malaysia dengan tegas menangkis kempen memburuk-burukkan minyak sawit dan membuktikan minyak itu sebenarnya anti-trombotik kerana ia mengandungi Vitamin E.

AS juga menuduh sarung tangan getah Malaysia menyebabkan alahan dan hospital-hospital Amerika mempamerkan pemberitahuan bahawa hospital berkenaan tidak menggunakan sarung tangan getah asli.

Dr Mahathir berkata orang Eropah, yang dengan tegas melaung-laungkan pasaran terbuka, sebenarnya berkempen menentang kayu tropika dan produk berkaitan, dengan menuduh Malaysia memusnahkan sumber-sumber hutannya. Malah, baru-baru ini mereka berkata habitat Orang Utan terancam disebabkan oleh pembalakan.

Alasan-alasan ini membolehkan mereka mengenakan segala jenis halangan bukan tarif ke atas kayu dan produk kayu manakala perabot kayu getah yang tidak melibatkan hutan semula jadi dikatakan beracun disebabkan oleh penggunaan bahan awet asid borik.

Tetapi, sebab sebenar kempen-kempen sedemikian dijalankan adalah untuk melindungi agihan pasaran kayu iklim sederhana, tegas Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata: "Inilah globalisasi mengikut tafsiran negara-negara Eropah etnik yang kaya. Mereka kata mereka akan buka pasaran mereka kepada kita, tetapi mereka cari segala jenis alasan untuk memastikan ianya tertutup."

Katanya, langkah-langkah membuka pasaran boleh dikatakan sentiasa bersyarat, "walaupun bantuan diberikan."

"Kita terpaksa menyokong dasar mereka, jika tidak bantuan itu akan dihentikan. Dan silap sedikit sahaja, sekatan akan dikenakan.

"Juga, walaupun kita menggubal dasar-dasar dengan baik untuk memberi sedikit perlindungan kepada industri dalam negara, kita diberitahu bahawa kita mesti membuka pasaran seluas-luasnya, meletakkan diri kita di bawah peraturan yang ditetapkan oleh orang kaya di negara lain dan menyebabkan kerajaan kita melepaskan peranannya sebagai penggubal dasar dan penguatkuasaannya," kata Dr. Mahathir. -- BERNAMA

MR FR KY JR